

Pembangunan air panas dan air galian di Malaysia — antara persepsi dan realiti

Mohamad Ali Hasan

Jabatan Geologi, Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur

Air panas dan air galian merupakan sumber luahan air tanah yang unik dan tersendiri. Walaupun sambutan awam terhadap kedua-dua sumber air tanah ini agak menggalakkan, namun kedua-dua sumber ini masih belum (jauh) dibangunkan sepenuhnya di Malaysia. Ini mungkin disebabkan persepsi dan tafsiran pihak pemaju serta pengguna yang berlainan dan pelbagaian.

Untuk pembangunan air panas misalnya, walaupun terdapat banyak kawasan air panas telah dimajukan supaya pelawat dapat memanfaatkan nilai-nilai perubatan dan rekreasi, namun pembangun bersepadu sumber ini masih jauh daripada memuaskan. Walaupun terdapat infrastruktur asas (yang dibina pada peringkat ala kadar sahaja), namun tidak banyak tempat yang dimajukan itu mempunyai kemudahan yang cukup untuk pelawat/pelancong merasa kenikmatan berendam dan berehat di dalam kolam-kolam air panas semula jadi ini. Adalah didapati, boleh dikatakan setiap negeri mempunyai kawasan air panasnya sendiri dan pembangunan di sekitar kawasan ini berbeza-beza dari satu kawasan ke satu kawasan.

Pembentangan bahagian pertama memaparkan antara lain: (a) takrifan dan ciri-ciri air panas (b) di mana terdapatnya sumber air panas ini di Malaysia (c) bagaimanakah sumber air panas ini telah digunakan selama ini? (d) kemajuan dan cabaran-cabaran pembangunan air panas di Malaysia (e) Perbandingan pembangunan air panas di luar negara Malaysia (Jepun & negeri Thai) (f) kesimpulan dan beberapa syor ke arah pembangunan bersepadu air panas di Malaysia.

Bagi air galian pula, negara Malaysia ini mempunyai potensi baik untuk melancarkan jenama air galian tulen buatan Malaysia. Dijangkakan hampir semua negeri di Malaysia mempunyai potensi menghasilkan air galian tulen yang setanding dengan keluaran air galian luar negara. Sehingga kini lebih 120 jenama air galian yang diimpot serta dihasilkan dalam negara terdapat di pasaran Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian beberapa air galian 'buatan Malaysia' dan kononnya jenama luar negara tidak menyakinkan ketulenannya dan boleh diragui disebabkan antara lain ketidakpastian punca sumber air galian tersebut diperolehi.

Selaras dengan kehendak pemaju-pemaju tempatan untuk menghasilkan air galian tulen 'buatan Malaysia' yang boleh diyakini serta sebagai menyakinkan pelancong-pelancong luar negara, pembentangan bahagian kedua pula akan menyentuh perkara-perkara berikut:-

- a) Definisi dan ciri-ciri air galian serta persepsi masyarakat terhadap air galian di Malaysia.
- b) Pembangunan terkini tentang air galian di Malaysia.
- c) Beberapa komen terhadap air galian 'buatan Malaysia' dewasa ini.
- d) Penilaian terhadap kawasan-kawasan punca air galian buatan Malaysia (Bagaimana dihasilkan sekarang)?
- e) Perbandingan penghasilan air galian di negara Peranchis.
- f) Kesimpulan dan beberapa syor ke arah memastikan penghasilan air galian 'buatan Malaysia' yang lebih diyakini.

Adalah diharapkan dengan pembentangan pengalaman secara terus dan penelitian penulis terhadap pembangunan sumber air panas di Jepun dan di negara Thai serta pembangunan sumber air galian di negeri Peranchis, pembangunan air panas dan air galian di Malaysia lebih bermakna serta dapat diyakini sepenuhnya. Pihak-pihak tertentu juga diharapkan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya bukan sahaja untuk menjaga nama baik industri air galian dan air panas tetapi juga untuk menjaga imeg Malaysia di arena antarabangsa.
